

07/02/1997

Umno lancar program perangi gejala sosial (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno akan memulakan program besar-besaran memerangi gejala sosial di kalangan remaja Melayu, khususnya melalui pendidikan tidak formal dan pembentukan sahsiah mereka, mulai bulan depan.

Pengerusi Biro Agamanya, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata tugas baru Umno sekarang ialah membebaskan generasi muda Melayu daripada gejala sosial yang kini berada di tahap kritikal dan boleh memusnahkan seluruh bangsa jika tidak dibendung segera.

Biro itu, bersama Biro Kebajikan dan Pergerakan Wanita Umno mengadakan mesyuarat selepas perjumpaan khas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan lebih 300 wakil agensi agama di Pusat Islam, pagi semalam.

Perjumpaan hampir dua jam itu membincangkan masalah gejala sosial di kalangan orang Melayu yang kini di tahap serius.

Hasil perjumpaan itu, agensi agama Islam peringkat Persekutuan dan negeri, akan digerakkan secara bersepadu bagi memerangi gejala sosial yang membabitkan sebahagian besar remaja Melayu.

Dr Abdul Hamid yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu Berita Harian hari ini, Umno bahagian dan cawangan akan melaksanakan program sepanjang masa membabitkan ahli dan penduduk setempat.

Program bertujuan mengukuhkan semula ketahanan peribadi, patriotik, akhlak dan nilai murni itu, akan diselaraskan di peringkat Umno bahagian yang akan dikawal selia oleh Ketua Bahagian atau ahli Parlimen masing-masing.

"Masalah gejala sosial di kalangan orang Melayu dibincang dalam beberapa sesi mesyuarat Majlis Tertinggi (MT). Hasilnya, MT mahu masalah itu ditangani segera sebelum ia melumpuhkan seluruh bangsa Melayu.

"Antara tindakan yang diambil ialah meminta semua menteri besar dan ketua menteri memastikan pusat hiburan ditutup pada jam 1 pagi. Biro Agama, Biro Kebajikan dan Wanita Umno sedang menyusun konsep program yang bersesuaian untuk dilaksanakan di peringkat Umno cawangan dan bahagian," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, Pemuda dan Wanita Umno adalah pihak yang hampir dengan remaja di sesuatu kawasan petempatan atau kampung. Mereka boleh menganjurkan program dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Program yang difikirkan sesuai termasuk sesi ramah mesra dengan personaliti dari kampung itu yang berjaya dalam sektor awam atau swasta. Mereka memberi perangsang dan mereka boleh menjadi contoh remaja di situ," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, penyediaan infrastruktur dan kemiskinan di luar bandar hampir selesai ditangani melalui pelbagai bentuk program serta bantuan kerajaan.

"Kini tiba masanya Umno menumpukan pembangunan insan berikutan ketahanan diri orang Melayu tidak sekuat serangan gejala dari luar yang masuk melalui pelbagai cara," katanya.

(END)